

Avalair Chewable Tablets 4mg

Montelukast Sodium 4.16mg, bersamaan Montelukast 4mg

Apa yang ada pada risalah ini:

- Apa kegunaan Avalair
- Bagaimana Avalair berfungsi
- Sebelum mengambil Avalair
- Cara mengguna Avalair
- Semasa mengguna Avalair
- Kesan-kesan sampingan
- Cara penyimpanan & pelupusan Avalair
- Maklumat lanjut
- Pengilang
- Pemegang pendaftaran produk
- Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Avalair:

Nama ubat anda ialah Avalair Chewable Tablets 4mg (dipanggil 'Avalair' dalam risalah ini). Avalair mengandungi ubat yang dikenali sebagai *montelukast sodium*.

Avalair digunakan untuk mencegah dan merawat penyakit kronik asma di kalangan dewasa dan kanak-kanak 12 bulan ke atas. Ia juga digunakan untuk melegakan simptom alahan *rhinitis* yang bermusim, pada waktu siang dan malam, di kalangan dewasa dan kanak-kanak berumur 2 tahun dan ke atas.

Bagaimana Avalair berfungsi:

Avalair ialah sejenis antagonis reseptor leukotrien yang menyekat bahan-bahan yang digelar leukotrien. Leukotrien menyebabkan salur udara di dalam paru-paru menjadi sempit dan bengkak. Menyekat leukotrien dapat memulihkan simptom asma dan membantu mencegah serangan asma. Leukotrien juga menyebabkan simptom alergi. Menyekat leukotrien dapat memulihkan rinitis alergi (bermusim dan perenial, juga digelar alergi hidung di dalam dan di luar rumah).

Sebelum mengambil Avalair

Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini dan maklum kepada doktor anda jika:

- Anda atau anak anda alah terhadap mana-mana komponennya.
- Jika anda mengidap penyakit 'phenylketonuria', kerana produk ini mengandungi *Aspartame*.

Sebelum mula mengambil.

Periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini:

- Jika anda ada masalah kesihatan yang lain atau alahan yang pernah atau sedang dialami oleh anak anda.
- Jika anda mengandung atau merancang untuk mengandung.
- Jika anda menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Secara umum, Avalair tidak ada interaksi dengan mana-mana ubat yang anda atau anak anda sedang ambil. Akan tetapi sesetengah ubat boleh menjejaskan tindakan Avalair atau Avalair boleh menjejaskan tindakan ubat lain. Antaranya:

- Gemfibrozil*
- Prednisone*
- Repaglinide*
- Phenytoin*
- Phenobarbital*
- Rifampicin*

Adalah penting anda memberitahu doktor tentang semua ubat yang sedang ataupun yang akan anda makan, atau yang sedang ataupun yang akan dimakan oleh anak anda, termasuklah ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Avalair

Doktor atau ahli farmasi akan menasihati anda berapa banyak dan berapa lama perlu mengambil Avalair. Baca arahan pada label dengan teliti

Berapa banyak harus digunakan?:

Dos ialah satu biji 4mg *chewable tablet* sekali sehari, diambil waktu petang.

Dos bagi kanak-kanak antara 2 hingga 5 tahun ialah satu biji 4mg *chewable tablet* sekali sehari. Kunyah ubat tersebut dan telan.

Dos bagi kanak-kanak antara 12 bulan hingga 2 tahun ialah melalui satu paket granul (serbuk) Avalair 4mg, sekali sehari.

Bila perlu digunakan?:

Avalair boleh diambil bersama atau tanpa makanan pada waktu petang.

Berapa lama perlu digunakan?:

Adalah penting untuk meneruskan pengambilan Avalair seperti yang diarahkan oleh doktor untuk mengawal penyakit asma anda atau anak anda. Avalair hanya boleh merawat penyakit anda jika anda terus mengambilnya.

Jika terlupa menggunakan.

Ambil Avalair mengikut arahan yang diberi sahaja. Jika anda tertinggal satu dos, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Jika dos seterusnya adalah dekat, jangan ambil dos yang tertinggal. Anda hanya perlu teruskan ambil dos seperti biasa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos).

Jika anda atau anak anda terambil dos yang berlebihan, hubungi doktor atau pergi ke hospital (unit kecemasan) yang terdekat, dengan segera.

Semasa menggunakan Avalair

Perkara yang perlu dilakukan.

Penting bahawa anda atau anak anda terus memakan Avalair setiap hari seperti yang diarahkan oleh doktor, walaupun anda atau anak anda tidak mengalami simptom ataupun jika anda atau anak anda mengalami serangan asma.

Jika simptom asma anda atau anak anda bertambah teruk, hubungilah doktor dengan segera.

Avalair bukanlah ubat untuk merawat serangan asma akut. Jika berlaku serangan asma, anda atau anak anda harus mengikut arahan yang telah diberikan oleh doktor kepada anda bagi keadaan tersebut.

Perubahan yang terkait dengan kelakuan dan ragam angin pernah dilaporkan oleh pesakit yang memakan Avalair. Jika anda atau anak anda mengalami perubahan ini semasa memakan Avalair (lihat "**Kesan-kesan sampingan**"), beritahulah doktor.

Avalair Chewable Tablets 4mg

Montelukast Sodium 4.16mg, bersamaan Montelukast 4mg

Perkara yang tidak boleh dilakukan:

- Jangan berhenti mengambil ubat anda tanpa arahan doktor dan jangan berikan ubat ini kepada orang lain.
- Jangan beri Avalair 4mg *chewable tablet* kepada kanakkanak dibawah 2 tahun kerana keselamatan dan keberkesannya belum dikenalpasti.

Perkara yang perlu diberi perhatian:

- Jangan memakan Avalair untuk merawat serangan asma akut. Jika berlaku serangan asma, ikuti arahan doktor mengenai ubat pelega yang sesuai digunakan.
- Jika anda alah pada aspirin atau agen “*Non-steroidal antiinflammatory*”, simptom anda akan menjadi lebih teruk

Kesan-kesan sampingan:

Mana-mana ubat boleh memberikan anda kesan sampingan yang tidak diingini. Avalair pada umumnya dapat diterima dengan baik dan kesan sampingan biasanya tidak serius dan bersifat sementara dan tidak perlu pemberhentian rawatan.

Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya menyedari mana-mana perubahan tingkah laku dan perubahan berkaitan *mood*

- Simptom obsesif kompulsif

Kesan kardiovaskular:

- Dengupan jantung yang laju
- *Churg-Strauss syndrome*: masalah yang dikenal dengan adanya keradangan saluran darah

Penyakit kulit:

- Lebam, ekzema, ruam, gatal-gatal

Kesan gastrousus:

- Sakit abdomen, sakit gigi, cirit birit, *gastroenteritis* (keradangan pada perut dan usus), masalah pencernaan, jangkitan gigi, mual, radang pankreas, *tonsillitis*, muntah.

Kesan darah:

- Meningkatkan kecenderungan pendarahan.

Kesan hepatic (hati):

- Enzim hati meningkat.
- *Hepatitis* (radang hati).

Kesan imunologi:

- Reaksi alahan.

Kesan saraf:

- Badan lemah, pening kepala, sakit kepala, tingkah laku hiperaktif, gangguan tidur, sawan, mengantuk dan menggeletar

Kesan mata:

- Konjunktivitis, rabun jauh

Kesan telinga:

- *Otalgia* (sakit telinga), *Otitis media* (jangkitan telinga)

Kesan psikatrik (mental):

- Kelakuan agresif, resah, perubahan tingkah laku, kebimbangan, tekanan, berdebar, halusinasi, keletihan, mimpi ngeri dan keinginan membunuh diri (*suicidal thinking*).

Kesan buah pinggang:

- Kencing bernanah

Kesan respiratori:

- Bronkitis, batuk, hidung tersumbat, sakit tekak, jangkitan saluran pernafasan, berdehit.

Kesan otot:

- Sakit sendi dan sakit otot.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.gov.my [(Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara Penyimpanan & Pelupusan Avalair

Penyimpanan:

- Jauhi dari kanak-kanak dan penglihatan mereka.
- Jangan guna Avalair selepas tamat tarikh luputnya. Tarikh luput merujuk kepada tarikh akhir untuk bulan tersebut.
- Simpan di dalam pek asal, di tempat yang kering dan bawah 30°C.
- Jangan guna Avalair yang sumpik atau pecah atau ada tanda-tanda kerosakan.

Pelupusan:

Ubat-ubatan tidak boleh dibuang dalam tong sampah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk membuang ubat yang sudah tidak diperlukan lagi. Tindakan ini juga boleh menjaga persekitaran dari tercemar.

Maklumat lanjut:

Rupa dan warna produk:

Avalair *chewable tablet* 4mg berwarna merah jambu, lonjong, *biconvex-shaped chewable tablet*, dengan tanda “CCP D79” di satu bahagian.

Bahan-bahan kandungan Avalair

Bahan aktif: *Montelukast Sodium*

Bahan eksipien: *Mannitol oral, Lactose, Red ferric oxide, Croscarmellose sodium, Colloidal silicon dioxide, hydroxypropyl cellulose, magnesium stearate, aspartame, flavor orange.*

Nombor MAL: MAL18116130ACZ

Pengilang

China Chemical & Pharmaceutical Co. Ltd., No. 182-1, Keng Tze Kou, Hsinfong, Hsinchu, Taiwan R.O.C.

Pemegang Pendaftaran Produk

Nano Medic Care Sdn Bhd
No. 1-6 & 1-12, 1st floor, Jalan Indah 2, Taman Indah, 84000 Muar, Johor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP:

May 2019

Nombor Siri:

NPRA(R2/1)191119/286